

# Dasar Penyumberan Bertanggungjawab



**BlueScope komited terhadap amalan penyumberan yang lestari, dengan mencari produk dan perkhidmatan yang dihasilkan secara bertanggungjawab serta yang mewujudkan nilai alam sekitar, sosial dan ekonomi jangka panjang bagi semua pihak berkepentingan. Pendekatan kami adalah untuk memupuk amalan perniagaan yang bertanggungjawab dan mendukung hak asasi manusia melalui penglibatan dan kerjasama dengan para pembekal serta melalui penilaian risiko dan penambahbaikan yang berterusan.**

## 1. Tujuan

Tujuan dokumen ini diwujudkan adalah untuk menggariskan komitmen kami dalam memupuk serta menggalakkan penyumberan yang beretika dan bertanggungjawab di seluruh BlueScope dan rantai bekalan kami. Pendekatan kami terhadap penyumberan yang bertanggungjawab adalah sejajar dengan amalan terbaik yang digariskan dalam prinsip Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UDHR), prinsip panduan 10 Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGC) dan Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Dasar Penyumberan Bertanggungjawab (Dasar), Rangka Kerja Penyumberan Bertanggungjawab, Tatalaku Pembekal Kami serta standard dan prosedur penyumberan bertanggungjawab kami, mentakrifkan komitmen dalaman dan jangkaan kami terhadap para pembekal.

## 2. Skop

Dokumen ini berkuat kuasa ke atas BlueScope Steel Limited dan anak syarikatnya serta semua entiti dan lokasi yang diuruskan BlueScope di seluruh dunia. Dasar ini berkuat kuasa ke atas semua pekerja, kontraktor, subkontraktor dan pekerja sementara dalam entiti yang diuruskan BlueScope.

## 3. Pernyataan Dasar

- Pasukan Kepimpinan Eksekutif BlueScope bertanggungjawab untuk memastikan Dasar ini serta standard dan prosedur penyumberan bertanggungjawab yang berkaitan diterapkan dalam semua entiti yang dikawal oleh BlueScope.
- BlueScope berusaha untuk mencapai ketelusan penuh bagi rantai bekalan bahan input pembuatan keluli kami dan meningkatkan ketelusan di seluruh rantai bekalan barangan dan perkhidmatan lain yang melibatkan pembelian kami.
- BlueScope menyokong secara aktif program industri yang diiktiraf yang menggalakkan amalan perniagaan bertanggungjawab dan amalan terbaik kawalan penyumberan bertanggungjawab bagi bahan input pembuatan keluli kami, dan kami akan berusaha mewujudkan Rantai Penjagaan dalam rantai bekalan hulu untuk tujuan ini.
- Kami memahami bahawa rantai bekalan kami bersifat kompleks dengan pelbagai lapisan, dan bagi menyokong komitmen kami terhadap ketelusan rantai bekalan, kami memiliki:
  - Sistem pengurusan penyumberan bertanggungjawab yang boleh digunakan di semua entiti di bawah kawalan kami.

- Proses dan kawalan sewajarnya untuk memastikan kami hanya akan bekerjasama dengan pembekal yang komited terhadap penyumberan yang beretika dan bertanggungjawab.
- Apabila membuat keputusan tentang perniagaan, BlueScope mengambil kira risiko dan kesan alam sekitar, sosial dan urus tadbir.
- BlueScope melabur dalam program latihan penyumberan bertanggungjawab secara berterusan di seluruh pasukan perolehan dalam kesemua entiti yang kami uruskan dan dalam bidang perniagaan lain seperti yang dikehendaki.
- BlueScope bekerjasama dengan rakan kongsi industri, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan kumpulan lain yang berkaitan untuk menyumbang kepada penambahbaikan penyumberan bertanggungjawab di seluruh dunia.
- BlueScope melaporkan usaha penyumberan bertanggungjawab secara berkala dalam Laporan Kelestarian kami dan seperti yang dikehendaki oleh undang-undang dalam bidang kuasa tempat kami beroperasi.

---

## 4. Takrifan

**Pembekal** – Bermaksud mana-mana pembekal barangan dan perkhidmatan untuk BlueScope Steel Limited dan anak-anak syarikatnya serta mana-mana entiti yang diuruskan oleh BlueScope dan juga kontraktor, subkontraktor serta pembekal tidak langsung kami.

**Penyumberan Bertanggungjawab** – Mengutamakan aspek sosial, etika dan alam sekitar dalam keputusan yang dibuat untuk pembelian barangan dan perkhidmatan.

**Rangkaian Penjagaan** – Bermaksud proses yang didokumenkan yang menjejaki pengekstrakan, pemprosesan dan pergerakan bahan melalui pelbagai lapisan rangkaian bekalan.

**Bahan input pembuatan keluli** – Bermaksud bahan mentah, seperti bijih besi, arang batu dan batu kapur, yang digunakan dalam pengeluaran keluli.

Kami menghargai keterangkuman dan menggalakkan Kakitangan kami untuk berkongsi idea dan maklum balas mereka. Kami komited untuk memupuk budaya bersuara apabila ada sesuatu yang tidak kena.